

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH :18.06.2014 (RABU)

DATO ROZMAN BINISLI [LABUAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengambil langkah-langkah khusus bagi menyelesaikan permasalahan kekurangan (ketiadaan) tahap kritikal barangan keperluan asas seperti gula, beras nasional, tepung gandum, minyak masak dan gas memasak di Wilayah Persekutuan Labuan sejak akhir-akhir ini. Sebagai sebuah pulau, pengguna di Labuan tidak mempunyai alternative lain mendapatkan bekalan seperti tempat-tempat lain di tanah besar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Mulai tahun 2013 Kerajaan telah mengambil langkah khusus bagi menyelesaikan masalah kekurangan dan perbezaan barangan kekurangan asas di Labuan dengan memberi subsidi kos pengangkutan perkhidmatan perkapalan kepada transporter/pembekal untuk membawa barangan Tepung Gandum (GP), Minyak Masak dan Gula Kasar, produk KR1M, Coop1Malaysia dan FAMA daripada pelabuhan di Semenanjung ke pelabuhan di Labuan. Ini bertujuan untuk membolehkan rakyat di Labuan menikmati bekalan barangan keperluan asas tersebut pada harga yang sama seperti yang terdapat di Semenanjung.

Selain daripada itu, Kerajaan juga melaksanakan Program Penyeragaman Harga barang kawalan sejak tahun 2012 melibatkan barangan keperluan Beras Nasional (ST 15%), Tepung Gandum Kegunaan AM (GP), Minyak Masak dan Gula Kasar pada harga kawalan dan 50 jenis barangan keperluan lain (bergantung kepada permintaan pengguna di kawasan tersebut termasuk produk KR1M, Coop1Malaysia, FAMA).

Menerusi program ini, Kerajaan memberi subsidi kos pengangkutan kepada transporter dengan izin atau pembekal untuk mengangkut barangan dari pusat pembekalan

(*Distribution Centre*) ke Labuan bertujuan untuk memastikan golongan sasaran terutamanya rakyat di Labuan menikmati harga barangan kawalan bersubsidi pada harga yang ditetapkan Kerajaan. Melalui program ini, pembekal, pemborong dan pekedai runcit dikehendaki menjual pada harga seperti ditetapkan Kerajaan dan tidak boleh mengaut keuntungan berlebihan atas alasan menanggung beban kos pengangkutan.